



SMK PESISIRAN PERDANA , TANGKAK JOHOR

LATIHAN PERCUBAAN

BAHASA MELAYU

1 JAM

NAMA : _____

JAWAB SEMUA
SOALAN

PEMAHAMAN

Arahan: Jawab semua soalan daripada Bahagian A dan Bahagian B serta satu soalan daripada Bahagian C.

Bahagian A Sistem Bahasa

Soalan 1 – 13

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Semua _____ makanan hendaklah menjaga kebersihan tempat penyediaan makanan.
A pengendali C pengawal
B penyewa D pengundi
2. Kita mestilah mengurangkan pengambilan makanan yang _____ demi menjaga kesihatan.
A berprotein C berlemak
B berair D bersusu
3. Penyakit demam denggi disebabkan oleh _____ Aedes.
A lalat
B tikus
C lipas
D nyamuk
4. Kanak-kanak itu menangis _____ disuntik oleh doktor yang merawatnya.
A lalu
B kerana
C sambil
D supaya
5. Sikap Kuzairi yang suka melakukan kerja kebajikan secara sukarela perlu kita jadikan _____.
A sokongan
B nikmat
C amalan
D teladan
6. Cecair di dalam tabung uji itu _____ apabila dipanaskan.
A menguap
B meruap
C menyuap
D mencungap
7. _____ belajar di sekolah rendah dahulu, Syamil pernah dipilih _____ murid terbaik sekolahnya.
A Andai kata ... seperti
B Semasa ... sebagai
C Sementara ... seolah
D Walaupun ... seumpama
8. Persembahan bicara berirama kumpulan _____ telah memikat hati para juri pertandingan itu.
A beliau
B beta
C kami
D hamba
9. Sarjan Ahmad Hanafi telah menjalankan tanggungjawabnya sebagai polis trafik dengan cekap bagi memastikan aliran lalu lintas _____.
A terkawal
B tersedia
C terbaik
D terpelihara
10. Sebelum dicampurkan ke dalam masakan, cili-cili itu perlu digiling hingga _____.
A lebur C lemau
B lembik D lumat

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul

Bahagian B Sistem Bahasa dan Pemahaman

1. Tulis jawapan yang betul dengan memasukkan imbuhan yang sesuai pada perkataan yang bergaris.

(i) Kelvin akan manfaat kemahiran yang ada pada dirinya untuk menjayakan misi yang mencabar itu.

(ii) Semangat dan kesungguhan yang tunjuk oleh skuad hoki negara perlu dijadikan contoh kepada pemain pelapis.

(iii) Ambil makanan seimbang amat penting bagi memastikan kesihatan terjamin.

(iv) Kempen keceriaan kelas mendapat sambut hangat daripada semua guru dan murid.

(v) Makanan tambahan yang dijual di pasaran boleh memudaratkan guna jika tidak mendapatkan nasihat daripada pakar kesihatan.

BAHAGIAN C (Drag and Drop)

MuLus: Isi tempat kosong dengan jawapan yang disediakan.

menghormati
cemerlang

seimbang
mensia-siakan

unggul
mencapainya

wawasan
berlapang

rezeki
merealisasikan

[**Pendahuluan**] Pepatah Melayu “Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang” yang membawa maksud, seseorang itu tidak akan mendapat (1) _____ dengan mudah. Begitu juga jika kita mahu menjadi murid yang (2) _____. Murid cemerlang mampu merealisasikan aspirasi negara, namun **kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya**. Untuk menjadi murid cemerlang, pelbagai kriteria yang positif perlu dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

[**Idea 1**] Ciri utama yang perlu ada dalam diri seorang murid cemerlang ialah sahsiah dan peribadi yang (3) _____. Seorang murid yang mempunyai peribadi unggul akan sentiasa menjaga hubungan baik sesama manusia sama ada ketika bersama dengan keluarga, guru mahupun rakan-rakan. Di samping itu, mereka sentiasa (4) _____ dan menyayangi guru. Mereka juga sentiasa (5) _____ dada untuk membantu rakan-rakan dalam pelajaran.

[**Idea 2**] Selain itu, murid yang cemerlang sentiasa menyedari hakikat bahawa masa itu emas dan mereka tidak (6) _____ setiap saat yang dimiliki. Mereka sentiasa mengisi masa terluang dengan melakukan pelbagai aktiviti yang berfaedah seperti membaca buku, mengulang kaji pelajaran, dan beriadah. Mereka juga menyediakan jadual aktiviti harian yang fleksibel agar aktiviti yang dilakukan (7) _____ antara aspek jasmani dengan rohani.

[**Idea 3**] Bukan itu sahaja, murid yang cemerlang juga mempunyai (8) _____ hidup. Setiap murid perlu mempunyai wawasan hidup supaya mereka dapat mencapai segala yang dicita-citakan. Sebagai contohnya, mereka yang cemerlang sentiasa mempunyai sasaran dalam peperiksaan dan berusaha bersungguh-sungguh untuk (9) _____. Jika gagal, mereka tidak kecewa kerana berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian.

[**Penutup**] Sebagai kesimpulannya, kriteria-kriteria yang positif perlu ada dalam diri setiap murid bagi melahirkan murid yang cemerlang dalam semua skop kehidupan. Murid yang cemerlang mampu berfikir luar daripada kotak pemikiran dan seterusnya mampu (10) _____ aspirasi negara. Hal ini demikian kerana murid yang cemerlang merupakan pemacu jentera negara yang akan menerajui tampuk pemerintahan negara pada masa hadapan.

BAHAGIAN D (Isikan tempat kosong)

Dalam maklumat di bawah ini, terdapat **tiga kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

**SAMBUTAN RUMAH TERBUKA
HARI RAYA AIDILFITRI**

Tarikh: 25 Mey 2020

Masa: 10:30 pagi hingga 5:00 petang

MENU
(Sajian disediakan secara bufet)

- Lemang
- Ketupat
- Bihun sup
- Mee rebus
- Laksa
- Lontong
- Sate
- Nasi himpit
- Rendang ayam
- Rendang daging
- Kuih-muih




Tuan/Puan dijemput hadir ke majlis ini yang akan diadakan di balairaya bersebelahan Taman Sentosa.

Cabutan bertuah menanti pengunjung!

- 1 _____
- 2 _____
- 3 _____

BAHAGIAN E (Drag and Drop)

Lihat gambar di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan **situasi** dalam gambar tersebut, tulis **dua** peribahasa yang sesuai.



1 _____

2 _____

Pilihan Jawapan yang sesuai. (Drag n Drop)

Usaha tangga kejayaan
Seperti isi dengan kuku
Bagai dakwat dengan kertas
Bagai kucing dengan anjing
Bapa borek, anak rintik